

PENDIDIKAN ALTERNATIF SEBAGAI WADAH PENDIDIKAN ISLAM DALAM KALANGAN KANAK-KANAK ROHINGYA DI MALAYSIA

ALTERNATIVE TEACHING AS PREACHING CHANNEL AMONG ROHINGYA MINORITIES IN MALAYSIA

^{*i}Aida Zahirah Samsudin & ⁱⁱNapisah Karimah Ismail

^{i&ii} Research Centre for Arabic Language and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding Author: email: aidaazahirah@gmail.com

ABSTRAK

Kebanjiran pelarian Rohingya di Malaysia meningkat dari tahun ke tahun; dianggarkan sudah lebih dua dekad mereka tinggal di negara ini bermula tahun 1980-an. Antara faktor yang menarik mereka mencari perlindungan di Malaysia adalah kestabilan politik dan keamanan, sentimen agama serta pertumbuhan ekonomi yang baik. Namun, tanpa dokumen yang sah, mereka tidak mempunyai jaminan untuk menikmati hak yang sewajarnya di Malaysia, termasuklah akses pendidikan formal di Malaysia. Sungguhpun tidak boleh mengikuti pendidikan secara formal, mereka masih boleh mendapatkan pendidikan alternatif yang disediakan oleh pihak-pihak tertentu. Kajian ini bertujuan mengkaji latar belakang pendidikan alternatif di Malaysia yang khusus untuk golongan pelarian Rohingya, di samping mengenal pasti peranan serta permasalahan pendidikan alternatif tersebut sebagai wadah untuk mempelajari ilmu-ilmu Islam bagi membentuk jati diri Muslim mereka. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis sejarah dan analisis kandungan daripada kajian-kajian lepas. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan Islam menjadi asas utama dalam penubuhan sebuah pusat pendidikan alternatif di Malaysia. Kebanyakan pusat pendidikan alternatif yang diuruskan oleh badan bukan kerajaan (NGO) tempatan menggabungkan elemen pendidikan Islam seperti fikah, akhlak, sirah, al-Quran dan tajwid, dengan pendidikan akademik dan kemahiran.

Kata kunci: Pelarian rohingya, malaysia, pendidikan Islam, pendidikan alternatif, pendidikan pelarian

ABSTRACT

The influx of Rohingya refugees in Malaysia is increasing from year to year; it is estimated that they have lived in the country for more than two decades since the 1980s. Among the factors that attract them to seek refuge in Malaysia are political stability, peace, religious sentiments, and economic growth. However, without valid documents, they have no guarantee to enjoy their due rights including access to formal education in Malaysia. Although they cannot get a formal education, they can get alternative education provided by certain parties. Thus, this paper aims to identify the background of alternative education in

Malaysia specifically for Rohingya refugees, as well as to identify the role of alternative education and its problems as a platform for learning Islam in order to form a Muslim identity among Rohingya refugees in Malaysia. This qualitative study uses historical analysis and content analysis approaches from previous studies. The results of this study show that the Islamic approach is the main basis for the establishment of an alternative education centre in Malaysia. Most alternative education centres managed by local non-governmental organisations (NGOs) combine elements of Islamic education such as fiqh, akhlaq, sirah, the Qu'ran and tajwid with academic and skills education.

Keywords: *Rohingya refugees, malaysia, islamic education, alternative education, refugees' education*

PENGENALAN

Etnik Rohingya merupakan satu etnik yang berasal dari wilayah Arakan atau Rakhine. Sejarah membuktikan bahawa kegemilangan Islam di wilayah Arakan pernah berlaku sekitar tahun 1430 hingga 1638 ketika di bawah pimpinan Mrauk-U dan semasa pemerintahan Sultan Zabuk Shah (1531-1553). Namun, kerajaan Islam ini mula berada di ambang kejatuhan apabila Raja Shah Shuja mangkat dibunuh pada tahun 1660. Tragedi ini merupakan titik mula berlakunya pergolakan politik di Arakan sehingga wilayah itu dijajah oleh Burma ketika di bawah pemerintahan Raja Bodowphaya pada tahun 1784. Kemudiannya, pada tahun 1822, British pula yang menjajah wilayah tersebut (Izziah Suryani, 2002).

Pada tahun 1870, muncul konflik etnik di Arakan akibat daripada wujudnya sikap prejudis di mana masyarakat Rohingya dilihat sebagai kasta paling rendah dalam kalangan masyarakat di Arakan; etnik Rohingya juga dianggap sebagai “orang asing Arakan”. Pada 4 Januari 1948, kuasa British memberi kemerdekaan kepada Myanmar, namun situasi ini tidak memberi sebarang manfaat kepada masyarakat Rohingya. Sebaliknya, pihak kerajaan memulakan dasar-dasar diskriminasi terhadap etnik Rohingya. Perdana Menteri Myanmar yang pertama ialah U Nu (1948-1958); beliau telah menyenaraikan 144 etnik di negara Burma yang baru dibentuk tersebut, namun terdapat perubahan bilangan ini ketika pemerintahan Jeneral Ne Win – dia hanya meletakkan 135 kumpulan etnik dalam senarai pendek dan diluluskan oleh Burma Socialist Programme Party (BSPP) (Ullah, 2016).

Myanmar sengaja mengecualikan Rohingya daripada kumpulan etnik rasmi negara itu dengan hujah undang-undang kewarganegaraan hanya mengiktiraf kewarganegaraan semula jadi sahaja. Keengganan ini menyebabkan kumpulan etnik ini tidak mempunyai dokumen pengenalan diri, dan seterusnya gagal menikmati hak sebagai warganegara Myanmar (Abu

Talib, 2008). Malah, kesan daripada keadaan tersebut menjadikan etnik Rohingya golongan minoriti di tanah air sendiri bahkan, pada masa yang sama menjadi pelarian di negara asal. Keadaan ini menyebabkan kewujudan etnik Rohingya di serata dunia setelah mereka mengambil langkah melarikan diri daripada penindasan. Malaysia tidak terkecuali daripada menjadi destinasi tumpuan masyarakat pelarian ini untuk mendapatkan perlindungan sejak tahun 1980.

Keupayaan mereka mendapatkan pendidikan dan khidmat kesihatan di Malaysia sangat terhad, di samping tidak dibenarkan memasuki sektor pekerjaan rasmi. Hal ini demikian kerana, Malaysia merupakan antara negara yang tidak meratifikasi Konvensyen Status Pelarian 1951 atau Protokol 1967 (Azizah Kassim, 2015; Child Rights Coalition Malaysia, 2012; Letchamanan, 2013). Namun, atas dasar belas kasihan dan kemanusiaan, kerajaan Malaysia membenarkan mereka bekerja dalam sektor tidak formal bagi membolehkan mereka menyara ahli keluarga (Aizat Khairi, 2021). Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan pelarian Rohingya di Malaysia yang disifatkan berkelakuan agresif akibat tekanan hidup yang mungkin disebabkan ketiadaan hak warganegara, peluang pekerjaan, persekolahan dan penempatan (Sity Daud & Intan Suria, 2015).

Selain itu, kanak-kanak pelarian juga dianggap berisiko terlibat dalam aktiviti yang tidak bermoral seperti melepak, ketagihan dadah, mencuri dan sebagainya kerana sebahagian mereka tidak berpeluang mendapatkan pendidikan formal mengikut arus perdana (Pavithra et al., 2020). Kanak-kanak pelarian Rohingya di Malaysia mengalami krisis pendidikan yang hampir sama dengan pelarian di Bangladesh di mana mereka tidak dibenarkan mengakses pendidikan formal. Walau bagaimanapun di Bangladesh, pelarian Rohingya masih dapat bersekolah di sekolah tidak formal yang terdapat di kem pelarian. Di Malaysia, pelarian Rohingya tidak tinggal di kem pelarian dan dianggap sebagai pendatang tanpa izin oleh masyarakat setempat (Palik, 2020).

Isu pendidikan kanak-kanak tanpa warganegara bukanlah suatu isu yang baharu, tetapi ia kurang mendapat perhatian dan dikategorikan sebagai isu terpencil (Nadzira Miskiman & Khalim Zainal, 2019). Namun, suatu perkara yang perlu direnungkan adalah tentang kerelevanan sukatan silibus pengajaran di Malaysia kepada kanak-kanak pelarian Rohingya sedangkan mereka tidak dibenarkan memasuki sekolah kerajaan dan tidak boleh bekerja secara sah (Balqis Aini, 2020). Maka, kurikulum yang sesuai perlu dibangunkan untuk mempersiapkan mereka menghadapi cabaran dalam dunia yang pesat berkembang.

Tanpa pendidikan, masyarakat akan hidup dalam rantaian kemunduran, di samping menyebabkan keruntuhan moral yang berleluasa.

Pendidikan dalam konteks Islam hendaklah berteraskan kepada al- Quran dan al-sunnah. Tanpa kedua-dua sumber rujukan utama umat Islam ini, akan menyebabkan kegagalan dalam membentuk sahsiah Muslim yang komited terhadap tuntutan agama (Zakaria Stapa et al., 2012). Maka, memberi penekanan dan menghidupkan elemen Islam dalam sistem pendidikan alternatif merupakan suatu langkah yang signifikan untuk melahirkan generasi pelarian yang mengamalkan ajaran Islam yang sebenar, sekali gus menghindarkan golongan ini daripada terlibat dengan masalah sosial dan jenayah.

Kertas kerja ini ditulis bagi mengupas dan membincangkan isu pendidikan kanak-kanak pelarian Rohingya, khususnya dalam meneliti latar belakang pendidikan alternatif untuk golongan pelarian Rohingya di Malaysia, dan mengenal pasti peranan pusat pendidikan alternatif sebagai wadah penyampaian pendidikan Islam dalam membentuk jati diri Muslim mereka. Kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan pendekatan analisis sejarah dan analisis kandungan berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan isu pendidikan pelarian Rohingya, dan situasi pendidikan mereka di Malaysia. Data yang terkumpul dianalisis secara tematik berpandukan tema penting bagi menjelaskan isu secara lebih sistematik.

Latar Belakang Pendidikan Alternatif di Malaysia

Bahagian ini membincangkan secara terperinci mengenai penubuhan Pusat Pendidikan Alternatif (PPA) di Malaysia dan pendidikan yang dihaskan untuk kanak-kanak Rohingya.

i. Penubuhan Pusat Pendidikan Alternatif (PPA)

Ordinan Pelajaran 1952 memutuskan untuk menghormati pendidikan sebagai hak asasi. Perundangan ini menjadi teras kepada komitmen kerajaan untuk melakukan pelaburan dalam pendidikan dan diperkukuhkan lagi setelah kerajaan meratifikasikan CRC (Convention on the Rights of the Child) pada 1995 (United Nations Children's Fund, 2009). Convention on the Rights of the Child merupakan satu konvensyen antarabangsa mengenai pemberian hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan kepada kanak-kanak sejak dia dilahirkan sehingga mencapai usia 18 tahun (Pathmanathan et al., 2011).

Menurut Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), CRC telah mendorong kerajaan agar lebih bertanggungjawab demi kesejahteraan kanak-kanak dengan mengiktiraf hak mereka, atau dengan kata lain, kerajaan Malaysia bertanggungjawab memastikan setiap kanak-kanak di Malaysia mendapat pendidikan tanpa mengira status warganegara, dan perkara ini telah termaktub dalam Artikel 28 konvensyen ini:

“Kanak-kanak berhak terhadap peluang pendidikan. Pendidikan rendah harus diwajibkan dan diadakan secara percuma kepada semua kanak-kanak. Kanak-kanak juga berhak akses kepada pendidikan menengah dalam pelbagai bentuk termasuk pendidikan am dan vokasional”.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas bil. 1/2009 bertarikh 11 Mac 2009 yang menyatakan bahawa mana-mana kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen boleh mendaftar diri sebagai murid di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan dengan dua syarat. Pertama, salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara dan kedua, permohonan hendaklah disertakan surat pengesahan atau surat pengakuan daripada ketua kampung. Perkara ini menunjukkan bahawa KPM memberi peluang pendidikan formal untuk kanak-kanak berkenaan sahaja dan tidak termasuk kanak-kanak bukan warganegara Malaysia tanpa dokumen pengenalan diri, tidak sah taraf kerakyatan dan kanak-kanak pelarian.

Pada asasnya, KPM mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas bil. 1/2009 adalah sebagai langkah mengatasi masalah akses pendidikan kepada kanak-kanak akibat kemiskinan dan tidak memiliki dokumen pengenalan diri (Mohd. Nazri et al., 2018). Maka, dapat disimpulkan bahawa kandungan Artikel 28 dan 29 CRC daripada segi undang-undang dan pelaksanaannya tidak sepenuhnya sesuai dalam kerangka perundangan Malaysia.

Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA) merupakan salah satu mekanisme yang telah diperkenalkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin, pada tahun 2010 demi memastikan kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri di Malaysia menerima pendidikan yang sewajarnya memandangkan mereka golongan yang tidak layak menerima pendidikan di sekolah kebangsaan atau sekolah kerajaan. Hal ini sejajar dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang dikeluarkan oleh KPM pada tahun 2012 di bawah peruntukan sekolah rendah yang memberi peluang kepada kanak-kanak bukan warganegara diterima masuk untuk mendapatkan pendidikan di sekolah mengikut peruntukan Akta Pendidikan

1996 (Akta 550) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Selain itu, International Institute for Education mentakrifkan bahawa pendidikan alternatif merangkumi pendidikan yang tidak dianggap sebagai program pendidikan rasmi dan ditawarkan secara selari dengan sistem pendidikan formal kebangsaan. Terdapat dua bentuk pendidikan alternatif, iaitu alternatif bermaksud “cara akses kepada Pendidikan” dan “alternatif dalam penyediaan kurikulum”. “Cara akses kepada Pendidikan” dianggap bersesuaian dengan golongan pelarian iaitu pendidikan alternatif yang menyediakan metode penyampaian yang berbeza bagi memenuhi keperluan pendidikan kanak-kanak, khususnya kanak-kanak yang tidak mendaftar dalam sistem pendidikan rasmi disebabkan oleh faktor umur, jantina, etnik atau lokasi geografi yang terpencil (Mohd. Nazri et al., 2018).

Penubuhan PPA turut membuktikan bahawa Malaysia menyahut seruan prinsip “Education For All” (EFA) atau “Pendidikan Untuk Semua” (Badariah Saibeh, 2018). Pendidikan alternatif yang dilaksanakan adalah satu inisiatif untuk merealisasikan prinsip EFA yang merupakan satu mandat global bagi memastikan keperluan pendidikan kanak-kanak dipenuhi. Di samping itu, KPM telah memperkenalkan Dasar Pendidikan Wajib sebagai menyokong mandat EFA. Walau bagaimanapun, dalam konteks Malaysia, keperluan menegakkan hak asasi dan falsafah pendidikan untuk semua tidak dapat diimplementasi sepenuhnya disebabkan keterikatan kepada Akta Pendidikan 1996 (Mohd. Nazri et al., 2018).

Program pendidikan alternatif yang direncanakan ini merangkumi semua program pendidikan kecuali yang dikategorikan sebagai pendidikan formal seperti yang ditawarkan dalam sistem pendidikan kebangsaan. Pusat Pendidikan Alternatif menggunakan kurikulum sekolah rendah seperti pendidikan asas membaca, menulis dan mengira, pendidikan agama dan kemahiran hidup (menjahit). Ia diuruskan sama ada oleh orang perseorangan atau badan bukan kerajaan (NGO) dengan kerjasama KPM serta United Nations High Commission For Refugees (UNHCR) (Badariah Saibeh, 2018; Mohd. Nazri et al., 2018). Pada tahun 2013, jumlah PPA yang berdaftar di bawah KPM adalah sebanyak 177 buah di seluruh Malaysia dengan jumlah kanak-kanak seramai 15,039 orang, termasuk kanak-kanak Rohingya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Walau bagaimanapun, masih terdapat sejumlah kanak-kanak tanpa warganegara di Malaysia yang tidak berpeluang menerima pendidikan sewajarnya disebabkan jumlah kemasukan kanak-kanak tanpa dokumen ke program pembelajaran alternatif sangat terhad (Badariah Saibeh, 2018).

Menurut KPM, pada tahun 2017, melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan telah menyatakan nama bagi pusat pembelajaran ini digantikan kepada Pusat Bimbingan Alternatif (PBA) dengan objektif penubuhannya adalah sama seperti PPA sebelum ini iaitu untuk memberi pendidikan kepada kanak-kanak bukan warganegara Malaysia yang tidak berpeluang mengikuti pendidikan secara formal, sama ada di institusi pendidikan milik kerajaan atau swasta. Kemahiran membaca, menulis dan mengira serta kemahiran hidup menjadi asas pendidikan di pusat ini dari peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah rendah. Peluang pendidikan ini sejajar dengan Dasar Pendidikan Alternatif di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Sebagai sebuah negara yang menandatangani CRC 1989, Malaysia bertanggungjawab memastikan setiap kanak-kanak di Malaysia mendapat pendidikan tanpa mengira status warganegara (Mohd. Nur Hidayat & Ibnor Azli, 2017). Walau bagaimanapun, di peringkat pelaksanaan, Malaysia tidak mempunyai peruntukan pendidikan khusus ekoran tiada pengiktirafan terhadap golongan pelarian dan mereka dianggap sebagai “pendatang haram” di bawah Akta Imigresen Malaysia 1959/1963 (Amnesty International, 2010; Intan Suria et al., 2020).

Oleh itu, kanak-kanak Rohingya tidak dibenarkan bersekolah di sekolah kerajaan disebabkan Malaysia tidak mempunyai sebarang peruntukan dalam akta atau polisi berkaitan hak pelarian (Divaghar Voothayakumar & Khadijah Alavi, 2019). Sehingga kini, Malaysia masih tetap dengan pendirian tidak membenarkan kanak-kanak pelarian memasuki sekolah-sekolah kerajaan. Namun, kerajaan tidak menghalang mereka memasuki mana-mana sekolah di bawah kendalian pihak swasta, NGO dan badan-badan sukarela yang lain (Mohd. Nur Hidayat & Ibnor Azli, 2017).

Badan hak asasi manusia, badan bukan kerajaan dan pertubuhan komuniti Rohingya telah mengambil prakarsa mewujudkan pusat pendidikan masing-masing sebagai alternatif untuk pembangunan modal insan kanak-kanak Rohingya di Malaysia setelah kerajaan persekutuan sering kali melakukan perubahan dasar di peringkat kementerian. United Nations High Commission for Refugees Malaysia dilihat memainkan peranan yang signifikan dalam menangani isu ini supaya kanak-kanak pelarian dapat dibantu daripada segi akses mendapatkan pendidikan, dan ia memerlukan sumber dana kewangan yang banyak bagi melancarkan aktiviti-aktiviti pengurusan dan operasi. Badan ini (UNHCR) dilihat berusaha mendapatkan bantuan kewangan melalui perundingan dengan wakil-wakil negara, organisasi

antarabangsa, individu perseorangan dan NGO (Aizat Khairi, 2021).

Sementara itu, NGO dan UNHCR Malaysia mempunyai jaringan kerjasama dalam usaha meningkatkan kesejahteraan pendidikan pelarian Rohingya sejak tahun 1998. Antaranya adalah Yayasan Salam, Angkatan Belia Muslim Malaysia (ABIM), Yayasan Tzu Chi Malaysia dan Pertubuhan Kebajikan Muslim Malaysia (PERKIM) (Azlinariah Abdullah et al., 2018). Percambahan NGO di Malaysia sebenarnya membantu mengurangkan bebanan UNHCR dalam memastikan keperluan pelarian di Malaysia (Atika Shafinaz & Nidzam Sulaiman, 2020).

Projek pendidikan yang dilaksanakan oleh UNHCR mendapat bantuan dan sokongan daripada NGO dari segi penyediaan kelas pendidikan berteraskan komuniti yang dianjurkan oleh masyarakat pelarian. Terdapat lapan buah projek yang berjaya dilaksanakan, khususnya di sekitar Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, projek ini dilihat kurang mendapat sambutan disebabkan hanya lebih kurang 2000 atau 30% kanak-kanak pelarian sahaja menghadirinya, manakala selebihnya, iaitu 70% lebih gemar menghadiri kelas-kelas pendidikan berteraskan komuniti (Palik, 2020).

ii. Pendidikan untuk kanak-kanak Rohingya

Terdapat dua jenis pusat pendidikan yang dapat diakses oleh kanak-kanak Rohingya iaitu pertama, pendidikan yang dikhususkan untuk kanak-kanak Rohingya sahaja dan kedua, pusat pendidikan pelarian lain yang kanak-kanak Rohingya boleh menumpang belajar (contohnya, Harvest Center, St Barnabas Church dan Yayasan Chow Kit). Pusat pendidikan yang dikhususkan untuk kanak-kanak Rohingya terdiri daripada tiga jenis sistem pendidikan, iaitu pendidikan sekular sahaja, pengajian Islam sahaja dan gabungan pendidikan agama dan pendidikan sekular (Azizah Kassim, 2012). Selain itu, terdapat dua jenis pusat pembelajaran yang dibangunkan dan diuruskan sendiri oleh komuniti Rohingya iaitu jenis konvensional (biasa) dan pondok (madrrasah) (Andika Ab. Wahab, 2017).

Lokasi pusat pendidikan kanak-kanak Rohingya di Malaysia dapat dikategorikan kepada dua, iaitu di bandar dan di luar bandar. Sekolah di bandar dibangunkan di rumah kedai atau rumah teres yang disewa, atau di masjid dan surau. Bagi sekolah di kawasan luar bandar pula biasanya didirikan di surau atau rumah yang diubah suai (Azizah Kassim, 2012; Norazira Ali, 2014). Kebanyakan pusat pendidikan jenis ini tidak berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Persekitaran sekolah pula berbeza-

beza mengikut organisasi yang menguruskannya; terdapat sekolah yang tidak menyediakan kerusi dan meja, di samping keadaan dalam kelas sempit dan sesak berikutan jumlah pelajar yang terlalu ramai dan bercampur umur dalam satu darjah. Keadaan ini adalah berbeza dengan sistem darjah di sekolah-sekolah kebangsaan.

Pusat pendidikan alternatif menyediakan pendidikan secara percuma; sekiranya dikenakan yuran, ia hanya merupakan yuran komitmen (Aida Zahirah & Napisah Karimah, 2021). Pusat pendidikan ini beroperasi dengan kekangan sumber seperti ketidakcukupan bahan pengajaran dan pembelajaran; biasanya mereka hanya menggunakan bahan fotokopi (Palik, 2020). Sebahagian pusat pendidikan menyediakan makanan untuk pelajar – bergantung kepada dana kewangan yang disumbangkan oleh pihak-pihak tertentu. Misalnya, Pusat Bimbingan Alternatif Rohingya Intellectual Skills and Excellence (RISE) di Kajang, Selangor, menyediakan makanan dan minuman pada waktu rehat tengah hari kepada pelajar mereka, sumber daripada sumbangan Islamic Relief Malaysia (IRM) (Aida Zahirah & Napisah Karimah, 2021).

Antara faktor kanak-kanak Rohingya tidak bersekolah adalah disebabkan ibu bapa mereka terbeban dengan yuran bulanan yang mahal, lokasi sekolah terletak di luar kawasan mereka – tiada pengangkutan untuk menghantar mereka ke sekolah; serta ibu bapa lebih cenderung menggalakkan anak-anak bekerja bagi menyara ahli keluarga (Kazi Fahmida Farzana et al., 2020). Kebiasaannya, menjadi tanggungjawab golongan lelaki yang mencapai umur yang dikira sudah sesuai untuk bekerja akan berhenti sekolah demi menyara keluarga (Palik, 2020).

Kanak-kanak perempuan cenderung hilang peluang pendidikan disebabkan faktor budaya yang ‘menyatakan’ bahawa mereka perlu mengambil alih kerja di rumah seperti memasak, membasuh pakaian dan menjaga adik-beradik. Bukan itu sahaja, faktor keselamatan sepanjang perjalanan pergi dan pulang dari sekolah juga menjadi kerisauan ibu bapa mereka (Action for the Rights of Children, 2009; Palik, 2020). Selain itu, sebahagian kanak-kanak Rohingya ini tidak minat menghadiri sesi pembelajaran di sekolah (Andika Ab. Wahab, 2017). Di samping itu, terdapat juga kes kanak-kanak Rohingya berhenti sekolah bukan disebabkan masalah kewangan atau tidak mampu membayar yuran persekolahan, tetapi mereka tiada pilihan lain kerana keperluan lebih mendesak untuk mereka berada di rumah menjaga ahli keluarga yang sakit atau adik-beradik lain semasa ibu bapa mereka keluar mencari rezeki (Aida Zahirah & Napisah Karimah, 2021).

Walau bagaimanapun, masalah utama yang dihadapi oleh pusat pendidikan pelarian ini ialah para pelajar lepasannya tidak memperoleh sebarang sijil yang diiktiraf daripada pihak yang berautoriti (Equal Rights Trust, 2014), sebaliknya hanya mendapat sijil tamat sekolah sahaja (Mohd. Nazri et al., 2018) berikutan tidak berpeluang untuk menduduki peperiksaan awam di Malaysia (UNHCR Malaysia, 2021). Hal ini memberi kesan kepada para pelajar yang ingin menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di Malaysia (Action for the Rights of Children, 2009; Kazi Fahmida Farzana et al., 2020; Mazura & Nor Hafizah, 2018).

Oleh yang demikian, pihak UNHCR dan pihak-pihak yang berkaitan perlu segera menyelesaikan masalah pensijilan bagi menyokong semangat generasi pelarian yang ingin menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, kerana sebilangan pelarian ini mempunyai kesedaran bahawa pendidikan merupakan kunci utama pengakhiran kitaran kemiskinan yang mereka hadapi.

Peranan dan Cabaran Pendidikan Alternatif sebagai Wadah Pendidikan Islam dalam Kalangan Kanak-Kanak Rohingya

Menerusi gambaran pembelajaran di sekolah Myanmar yang mendoktrinkan ajaran anti-Islam kepada pelajar-pelajar Islam, mereka cenderung menggambarkan budaya Islam daripada sisi negatif seperti Islam tidak berperikemanusiaan, menghina, merendahkan dan mengelirukan sejarah (Nurul Islam, 2006). Pelbagai cabaran yang terpaksa dihadapi oleh pelajar Rohingya di Myanmar; terdapat sekolah agama sukarela terpaksa dihentikan operasinya ekoran kekurangan dana; kesederhanaan institusi pendidikan tradisional turut membawa kepada kegagalan kaedah pengajaran dalam melahirkan pelajar yang berkemahiran dan sumber tenaga kerja (Mohd. Irfan et al., 2021).

Di Malaysia, situasi pelaksanaan pengajaran pendidikan Islam di pusat pendidikan untuk kanak-kanak pelarian Rohingya dapat dilihat daripada aspek kurikulum, program, aktiviti, kemudahan dan tenaga guru.

i. Kurikulum Pendidikan Islam

Daripada segi kurikulum, kajian oleh Mohd. Irfan (2019) menghuraikan mengenai proses pembelajaran di enam buah pusat pendidikan Islam yang dikategorikan sebagai pendidikan alternatif, iaitu Rohingya Intellectual Skills and Excellence (RISE), RSM Education Services,

Madrasah Muilalislam, Madrasah Rohingya Al-Nur, Rohingya Education Centre (REC) dan Al-Madrasah Al-Islamiyah. Pusat pendidikan yang disediakan oleh NGO ini mendapat sokongan UNHCR Malaysia. Penekanan yang diberikan di pusat pendidikan ini adalah kebolehan membaca, menulis, mengira dan pendidikan Islam untuk kelangsungan identiti Muslim walaupun hidup sebagai pelarian. Bagi mengekalkan identiti Muslim dalam kalangan kanak-kanak Rohingya, pusat-pusat ini menyediakan pengajaran mata pelajaran fardu ain dan aktiviti harian seperti:

- a. Pengajaran al-Quran bagi memastikan pelajar menguasai kemahiran membaca al-Quran. Kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran bermula dengan membaca Iqra' satu hingga Iqra' lima, dan seterusnya membaca al-Quran.
- b. Pengajaran ibadah solat melalui pelbagai pendekatan, teknik pengajaran yang menarik serta berkesan meliputi amali dan teori. Pendedahan juga diberikan dengan menampal poster, contohnya poster cara berwuduk, solat di ruang kelas dan ruang solat. Para guru akan memerhati pelajar setiap kali mereka mengambil wuduk dan ketika solat berjemaah; guru akan mengambil pendekatan menegur secara terus jika pelajar melakukan kesilapan.
- c. Pengajaran sirah supaya pelajar lebih memahami keperibadian Nabi Muhammad SAW dan menjadikan Baginda sebagai contoh teladan yang utama dalam segenap aspek kehidupan mereka.
- d. Hafazan al-Quran menjadi sebahagian daripada aktiviti seharian pelajar di pusat ini sebagai persiapan melahirkan generasi Rohingya yang boleh menjadi imam dan pendakwah dalam kalangan mereka.
- e. Pembelajaran adab dan akhlak diterapkan sebagaimana agama menitikberatkan keperibadian dan akhlak mulia dalam kehidupan seharian. Hal ini berkait rapat dengan hubungan sesama manusia seperti ibu bapa, ahli keluarga, jiran dan orang sekeliling, serta menghormati hak individu dan makhluk lain.
- f. Pengajaran tauhid dan akidah diajarkan agar pelajar-pelajar Rohingya ini mengenali bukti-bukti kewujudan dan kekuasaan Allah SWT, selain mengenali 99 nama Allah SWT dan sifat-sifat-Nya.

Masyarakat Rohingya berpandangan bahawa pendidikan Islam yang diterima di Malaysia telah memberi impak besar dalam kehidupan seharian mereka, terutamanya dalam pembentukan identiti diri seorang Muslim daripada sisi kepatuhan kepada Allah SWT melalui pengajaran modul fardu ain yang disediakan. Malah, dalam kalangan mereka sendiri merasakan pendidikan Islam sangat penting dalam pembentukan akhlak komuniti selain jalan keluar daripada kemunduran dan kejahilan, memupuk sifat mencintai agama serta menghindari daripada tercetusnya perbalahan dan permusuhan (Mohd. Irfan, 2019). Silibus pendidikan Islam di RISE misalnya, merangkumi pelajaran akhlak, fikah, tauhid dan sirah, manakala al-Quran dan tajwid dimasukkan di dalam silibus kelas elektif yang dijalankan pada waktu petang; solat berjemaah juga dijadikan rutin harian di sekolah (Aida Zahirah, 2020).

Keistimewaan di sekolah Tahfiz Rohingya di Seri Kembangan, Selangor yang diuruskan oleh MyCare, selain mempunyai asrama yang menempatkan sebilangan pelajar, juga menawarkan mata pelajaran bahasa Arab kepada pelajarannya (Atika Shafinaz & Nidzam Sulaiman, 2020). Dengan kemahiran bahasa Arab, sekurang-kurangnya membantu dan memudahkan kanak-kanak Rohingya memahami makna ayat-ayat al-Quran yang dibaca setiap hari. Walau bagaimanapun, setiap pelajar perlu membetulkan niat dan matlamat belajar, iaitu sebagai sumbangan untuk Islam dan kerana Allah SWT. Kesenambungan kesedaran agama melalui membaca, menulis dan mengira adalah prasyarat pembelajaran dan mampu menghasilkan sikap yang diperlukan dalam usaha mengubah proses perkembangan diri dalam setiap aspek kehidupan (Mohd. Irfan Mohd. et al., 2021).

Walaupun sukatan pembelajaran di pusat pendidikan alternatif tidak seperti di sekolah bantuan kerajaan, sekurang-kurangnya mereka didedahkan kepada pengetahuan asas pelajaran, mampu menguasai bahasa Melayu, dan akidah mereka diperkukuhkan melalui pembelajaran agama Islam (Aizat Khairi, 2021; Norazira Ali, 2014). Islam mewajibkan kanak-kanak mendapat pendidikan; tanpa pendidikan, kanak-kanak tidak akan mengenal dan memahami ajaran Islam malah, terdedah kepada pelbagai cabaran dalam kehidupan mereka (Mohd. Nur Hidayat & Iknor Azli, 2017).

ii. Program dan Aktiviti Berunsur Islam

Guru pendidikan Islam memainkan peranan utama dalam membentuk jati diri dan akhlak kanak-kanak pelarian Rohingya di Malaysia dengan merangka program yang bersesuaian. Seperti di RISE, guru Pendidikan Islam mengambil tanggungjawab mengendalikan beberapa

program seperti kem Ramadan, *qiamullail*, bengkel asas berkaitan ilmu fardu ain, kem ibadah solat dan juga amali *manasik* haji dan umrah. Mahasiswa dari universiti tempatan dan luar negara turut mengambil bahagian dalam menganjurkan program kepada kanak-kanak Rohingya. Contohnya, persatuan mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengadakan “Kem Best Study Solat” untuk pelajar RISE agar mereka benar-benar memahami dan menjalani ibadah solat dengan sempurna. Kem ini merangkumi aspek soal sah, batal dan rukun solat seperti yang disyariatkan dalam Islam (Aida Zahirah & Napisah Karimah, 2021).

Manakala, mahasiswa perguruan Universiti Al-Azhar, Mesir, mengadakan program pemeriksaan gigi dan kesihatan secara percuma. Program ini membantu meningkatkan kesedaran kanak-kanak Rohingya terhadap penjagaan kesihatan seperti yang dituntut dalam Islam (Islamic Relief Malaysia, 2019), apatah lagi kesedaran golongan pelarian Rohingya terhadap penjagaan kesihatan diri dan persekitaran, adalah pada tahap rendah (Mohd. Nazri et al., 2018). Penjagaan kesihatan menurut perspektif Islam adalah tanggungjawab dan amanah Allah SWT ke atas setiap manusia; Islam menyarankan umatnya sentiasa menjaga tubuh badan serta mengamalkan cara hidup sihat.

Pihak-pihak NGO juga mengambil pelbagai inisiatif dalam usaha membantu meningkatkan keyakinan dan semangat masyarakat Rohingya ini meneruskan kehidupan harian sebagai pelarian yang berada dalam keadaan ketidakpastian dan tekanan. “Future Global Network Foundation” (FGN) telah mengambil inisiatif menjalankan kursus kepimpinan dan pengurusan kepada golongan pemimpin masyarakat Rohingya dan Muslim Myanmar di Kuala Lumpur. Kumpulan sasaran ini telah didedahkan kepada konsep kepimpinan dan pengurusan secara asas bagi membolehkan mereka mengawal dan menyelesaikan konflik serta pemasalahan yang berlaku. Di samping itu, mereka dilatih dalam memupuk nilai dan ciri kepimpinan yang mampu mengurus diri dan komuniti mereka.

Muslim Aid Malaysia turut menganjurkan kem kepimpinan untuk golongan belia Rohingya di Pulau Pinang dengan mendedahkan kemahiran kepimpinan, membuat kertas kerja dan asas pengurusan kewangan, di samping mengadakan kem motivasi untuk golongan kanak-kanak dan remaja Rohingya di Kuala Lumpur; matlamatnya adalah untuk membentuk kerjasama jitu bagi menangani masalah yang melanda kehidupan mereka (Aizat Khairi, 2021). Usaha ini dilihat mampu meningkatkan kesedaran masyarakat Rohingya, khususnya generasi muda bahawa setiap manusia adalah khalifah Allah, dan menghayati sirah yang

menggambarkan keperibadian unggul Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin agung sepanjang zaman, seterusnya meneladani akhlak dan kepimpinan Baginda SAW.

iii. Kemudahan, Dana dan Tenaga Guru

Kemudahan prasarana pusat pendidikan alternatif berbeza mengikut organisasi yang menguruskannya, namun, majoritinya beroperasi dalam keadaan daif. Tidak semua pusat pendidikan dapat menyediakan ruang kelas yang selesa berserta kerusi dan meja disebabkan jumlah pelajar yang ramai (Aida Zahirah & Napisah Karimah, 2021a). Bahkan, hanya sebahagian pusat pendidikan sahaja yang mempunyai surau atau ruang solat, perpustakaan, bilik komputer dan bilik-bilik khas yang lain (Aida Zahirah & Napisah Karimah, 2021b). Namun, terdapat NGO yang menghulurkan bantuan seperti meja, kerusi, papan putih dan bahan pembelajaran supaya dapat meningkatkan minat dan tumpuan pelajar (Aizat Khairi, 2019).

Persekitaran sekolah mempengaruhi keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Terdapat sesetengah pusat pendidikan yang terpaksa menghentikan operasi disebabkan kekurangan peruntukan dana yang berterusan. Contohnya, terdapat sebuah madrasah pelarian di bawah tajaan UNHCR dan Yayasan Salam Selangor, terpaksa dihentikan operasi selama dua tahun iaitu dari tahun 2002 hingga 2004, berikutan kekurangan sumber kewangan daripada pihak penaja (Tan Pok Suan, 2006). Terdapat juga pusat pendidikan yang beroperasi dalam keadaan kekurangan sumber kewangan misalnya, Sekolah Anak-Anak Yatim dan Tahfiz Quran Hashimiah di Selayang, yang hanya bergantung kepada bantuan daripada penaja luar bagi menampung kos perbelanjaan makanan seperti bekalan beras, gula, susu dan sebagainya (Azlinariah Abdullah, 2014).

Selain itu, kebanyakan guru di pusat pendidikan terdiri daripada guru sukarelawan dan komuniti Rohingya sendiri, malah bagi mengisi jawatan guru ini tiada kelayakan khusus ditetapkan. Ini menyebabkan kekurangan tenaga guru yang berkelayakan daripada segi kelulusan, pengalaman dan pedagogi mengajar. Peluang latihan guru merupakan strategi yang berkesan dan mampu membawa perubahan kepada pengalaman sekolah kanak-kanak dan memberi pengalaman pendidikan berkualiti (Action for the Rights of Children, 2009).

Walau bagaimanapun, latihan guru sahaja tidak mungkin dapat meningkatkan kualiti pendidikan sekiranya pihak sekolah tidak menyediakan bahan dan peralatan yang sesuai dan relevan (Letchamanan, 2013). Usaha daripada NGO adalah perkara yang membanggakan,

namun mereka beroperasi dengan sumber yang sangat terhad; kualiti pendidikan diragui kerana tiadanya pantauan dan garis panduan yang sewajarnya (Mazura & Nor Hafizah, 2018).

Di RISE, guru pendidikan Islam mempunyai latar belakang graduan lepasan ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam. Atas inisiatif sendiri, guru ini memperolehi buku teks dan buku latihan bagi subjek pendidikan Islam dari Singapura disebabkan penyampaiannya dalam tulisan rumi. Sebelum ini para pelajar dibekalkan buku teks dan buku latihan Kelas Agama Fardu Ain (KAFA) dalam tulisan jawi, dan menjadi kesukaran bagi para pelajar untuk memahaminya. Bagi menguji pemahaman hasil pengajaran pendidikan Islam, guru yang mengajar menyediakan soalan peperiksaan dalam pelbagai bentuk soalan seperti soalan aras rendah, aras sederhana dan aras tinggi yang merangkumi daya berfikir, hafalan dan ingatan (Aida Zahirah & Napisah Karimah, 2021). Oleh sebab itu, guru yang berkelulusan pengajian Islam dilihat sangat penting dalam memberi pendidikan Islam yang sewajarnya kepada kanak-kanak pelarian Rohingya ini.

KESIMPULAN

Isu pelarian merupakan isu yang serius kerana ia menyumbang kepada masalah kedaulatan dan keselamatan negara yang menjadi destinasi pelarian. Persoalan pendidikan kanak-kanak Rohingya mempengaruhi Malaysia ekoran berlakunya masalah sosial dan jenayah dalam kalangan mereka di negara ini. Bagi menangani masalah tersebut, Malaysia sebagai sebuah negara yang mendukung mandat “Education for All” (EFA) mengambil inisiatif menubuhkan pusat pendidikan alternatif untuk pelarian khususnya, Rohingya, dengan kerjasama UNHCR Malaysia, NGO dan pertubuhan berasaskan komuniti. Terdapat pelbagai jenis pusat pendidikan ini, antaranya pusat pendidikan seimbang daripada segi akademik dan pendidikan Islam, serta kemahiran hidup sebagai elektif. Latihan kemahiran menjadi persiapan bagi kanak-kanak Rohingya ini setelah menamatkan pembelajaran serta mampu menjana pendapatan yang membolehkan mereka menyara keluarga mereka di Malaysia. Hasil pembelajaran di pusat pendidikan ini mendedahkan pelajar kepada pengetahuan asas pelajaran, dan dalam masa yang sama, akidah dan ajaran Islam diperkukuhkan supaya mereka menjadi Muslim yang beriman, berakhlak dan berguna kepada masyarakat.

RUJUKAN

- Abu Talib Ahmad. 2008. Rohingya dan Konflik Etnik di Arakan (Rakhine). Dlm. Abdullah Zakaria Ghazali & Zulkarnain Abdul Rahman (Pnyt.), *Konflik Dunia Abad Ke-20* (pp. 100-126). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Action for the Rights of Children. 2009. ARC Resource Pack: Critical Issue Module 2- Education. Action for the Rights of Children (ARC). <https://www.refworld.org/docid/4b55cf9a2.html>
- Aida Zahirah Samsudin. 2020. *Pendidikan kanak-kanak muslim rohingya: kajian kes di rohingya intellectual skills and excellence (RISE), Kajang, Selangor*. [Latihan Ilmiah tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia Selangor.
- Aida Zahirah Samsudin & Napisah Karimah Ismail. 2021a. Dilema pendidikan kanak-kanak Rohingya di Malaysia: satu tinjauan awal. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 33(1), 79-105.
- Aida Zahirah Samsudin & Napisah Karimah Ismail. 2021b. Pendidikan kanak-kanak muslim Rohingya: kajian kes di rohingya intellectual skills and excellence (RISE), Kajang, Selangor. *Jurnal Sains Insani*, 6(3), 67–76.
- Aizat Khairi. 2016. The Dilemma of Rohingya refugees “boat people”: the role of malaysia, its neighbors and ASEAN. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 6(12), 481–489.
- Aizat Khairi. 2019. From academia to NGO: the role of repusm in providing alternative education for rohingya refugees’ children in penang island. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering (IJITEE)*, 8(12), 5596–5599. <https://doi.org/10.35940/ijitee.L4017.1081219>
- Aizat Khairi. 2021. *Keselamatan insan terjamin? Pelarian Moro dan Rohingya di Malaysia*. Selangor: Penerbit UKM.
- Amnesty International. 2010. *Diseksa dan ditinggalkan: pelarian dinafikan hak di Malaysia*. Amnesty International.
- Andika Ab. Wahab. 2017. *Penyeludupan migran dan keselamatan insan: kajian kes orang pelarian Rohingya di Lembah Klang, Malaysia*. [Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan], Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Atika Shafinaz Nazri & Nidzam Sulaiman. 2020. Partisipasi NGO dalam bantuan

kemanusiaan terhadap pelarian di Malaysia dan sumbangannya ke arah penyatupaduan masyarakat. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47(3), 214–245.

Azizah Kassim. 2012. Peluang pendidikan bagi kanak-kanak orang pelarian Rohingya di semenanjung [PowerPoint slide]. Dialog dan meja bulat hala tuju pendidikan alternatif di Malaysia. <https://smk.ukm.my/erap/fail3.cfm?komp=TOO2012102>

Azizah Kassim. 2015. Transnational marriages among muslim refugees and their implications on their status and identity: the case of the Rohingyas in Malaysia. Dlm. Ikuya Tokoro & Hisao Tomizawa (Pnyt.), *Islam and Cultural Diversity in Southeast Asia* (pp. 175–201). Research Institute for Languages and Cultures of Asia and Africa (ILCAA): Tokyo University of Foreign Studies.

Azlinariah Abdullah. 2014. Diaspora Rohingya di Malaysia: pengekal identiti dan survival masyarakat minoriti. *Sarjana*, 29(1), 107–122.

Azlinariah Abdullah, Azharudin Mohamed Dali & Mohamad Rodzi Abd Razak. 2018. Surviving stateless refugees: the uncertain future of Rohingya children in Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(1), 177–195.

Badariah Saibeh. 2018. Pendidikan alternatif sebagai wadah keterangkuman sosial dalam kalangan penduduk yang tiada kewarganegaraan di pulau mabul, Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 177–206.

Balqis Aini Mustafa. 2020. Isu-isu dalam adaptasi antarabudaya pelarian Rohingya di Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah (Pogres 2020)*, 436–440.

Child Right Coalition Malaysia. 2012. *Status report on children's rights in Malaysia*. Child Right Coalition Malaysia.

Divaghar Voothayakumar & Khadijah Alavi. 2019. Meneroka kesejahteraan sosial karen dan Rohingya di sekolah pelarian Myanmar di chow kit. *Asian People Journal (APJ)*, 2(1), 1–11.

Equal Rights Trust. 2014. *Equal only in name: the human rights of stateless Rohingya in Malaysia*. Equal Rights Trust.

Intan Suria Hamzah, Sity Daud & Nor Azizan Idris. 2016. Pelarian Rohingya dan isu-isu kontemporari di Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space*, 12(9), 11–23.

Intan Suria Hamzah, Sity Daud & Nor Azizan Idris. 2020. *Pendatang asing Myanmar dan keselamatan insan di Malaysia*. Selangor: Penerbit UKM.

- Islamic Relief Malaysia. 2019. IRM, Mahasiswa perguruan Universiti Al-Azhar santuni pelajar RISE. <https://islamic-relief.org.my/ms/irm-mahasiswa-perguruan-universiti-al-azhar-santuni-pelajar-rise/>
- Izziah Suryani Arshad. 2002. Sejarah dan kedudukan minoriti muslim di Myanmar. Dlm. Wan Kamal Mujani (Pnyt.), *Minoriti Muslim: Cabaran dan Harapan Menjelang Abad Ke-21* (pp. 55-73). Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah & Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kazi Fahmida Farzana, Siti Darwinda Mohamed Pero & Muhammad Fuad Othman. 2020. The dream's door: educational marginalization of Rohingya children in Malaysia. *South Asian Journal of Business and Management Cases*, 9(2), 237–246.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012. *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Malaysia: education for all end decade review report 2000-2015*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Kementerian Pelajaran Malaysia. www.moe.gov.my/bppdp
- Letchamanan, H. 2013. Myanmar's Rohingya refugees in Malaysia: education and the way forward. *Journal of International and Comparative Educational*, 2(2), 86–97.
- Mazura Md Saman & Nor Hafizah Mohd. Badrol Affandi. 2018. Honoring primary education for stateless children: analysis of Malaysian legal perspective and current practice. *International Journal For Studies on Children, Women, Elderly and Disabled People (IJCWED)*, 3(January), 33–38.
- Mohd. Irfan Mohd Terin. 2019. *Kefahaman pendidikan islam muslim Rohingya: kajian di Lembah Klang Malaysia*. [Tesis Sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Mohd. Irfan Mohd. Terin, Abd. Hakim Mohad & Ros Aiza Mohd. Mokhtar. 2021. An alternative education centre for teaching staff in the continuity of education among the Rohingya community in Malaysia. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 15(2), 687–700.
- Mohd. Nazri Abdul Rahman, Saedah Siraj, Nor Fariza Mohd Idris, Muhamad Asyraf Mansor & Nor Asiah Muhamad. 2018. Potensi pembangunan modul kurikulum berasaskan

- kemahiran komuniti setempat bagi kanak-kanak bukan warganegara Malaysia tanpa dokumen pengenalan diri: tinjauan awal. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(3), 15–21.
- Mohd. Nur Hidayat Hasbollah Hajimin & Ibnor Azli Ibrahim. 2017. Hak dan perlindungan pelarian muslim filipina menurut syariah dan undang-undang Malaysia: kajian di Negeri Sabah. *Jurnal Hadhari*, 9(2), 193–206.
- Nadzira Miskiman & Khalim Zainal. 2019. Cabaran dan limitasi pendidikan untuk kanak-kanak tanpa warganegara di Pulau Mabul, Semporna, Sabah. *International Conference on Business, Education, Innovation & Social Sciences (ICBEISS 2019)*, 382–391.
- Noor Farhana Ahmad Pazil. 2020. Aplikasi enam dimensi kelompok minoriti berdasarkan pendekatan kinloch: perubahan sosio-politik minoriti Rohingya. *Malaysia Journal of Society and Space*, 16(4), 311–325.
- Norazira Ali. 2014. Cabaran-cabaran pelarian Rohingya muslim: kajian kes di Pulau Pinang. *Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS)*, 265–274.
- Nurul Islam. 2006. *Facts about the Rohingya muslims of arakan*. Arakan Rohingya National Organisation (ARNO)
- Palik, J. 2020. *Education for Rohingya refugee children in Malaysia*. Prio Policy Brief, 02.
- Pathmanathan R. Nalasamy, Siti Hajar Abu Bakar Ah & Abd. Hadi Zakaria. 2011. Pandangan klien perkhidmatan mengenai implementasi hak kanak-kanak di dalam institusi pemeliharaan dan perlindungan awam. *Sarjana*, 26(2), 51–71.
- Pavithra, Noremy Md. Akhir, & Mohd. Suhaimi Mohamad. 2020. Satu kajian kes di pusat bimbingan alternatif, Kajang: keperluan dari aspek perlindungan dan sokongan sosial bagi kanak-kanak pelarian Rohingya. *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah (Pogres 2020)*. 309–312.
- Sity Daud & Intan Suria Hamzah. 2015. Pendatang asing tanpa izin (PATI) Myanmar di Malaysia: satu tinjauan awal. Dlm Zarina Othman & Nor Azizan Idris (Pnyt.), *Migrasi dan Keselamatan* (pp.77–101). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan Pok Suan. 2006. Kehidupan rohingya di Malaysia: perjuangan dalam ketidakpastian hidup. *Akademika*, 68(Januari), 111–122.
- Ullah, A. K. M. A. 2016. Rohingya crisis in Myanmar: seeking justice for the “stateless”. *Journal of Contemporary Criminal Justice*, 32(2), 285-301.
- UNHCR Malaysia. 2020. List of recognised learning centres. <https://>

refugeemalaysia.org/wp-content/uploads/2020/08/learning-centre-2020.pdf

UNHCR Malaysia. 2021. Education in Malaysia. <https://www.unhcr.org/en-my/education-in-Malaysia.html>

United Nations Children's Fund. 2009. *The state of the world's children: special edition celebrating 20 years of the convention on the rights of the child*. United Nations Children's Fund.

Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf, & Abdul Fatah Shaharudin. 2012. Pendidikan menurut al-quran dan sunnah serta peranannya dalam memperkasakan tamadun ummah. *Jurnal Hadhari*, 7–22.